

04 MAY 1996

UMNO PERLU LIHAT DULU SEBELUM SOKONG PAS

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Umno perlu meneliti dahulu cadangan pindaan Perlembagaan Kelantan yang menghadkan kuasa raja sebelum mengambil sebarang pendirian sama ada mahu menyokong atau tidak Pas dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan nanti.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa hari ini berkata Umno perlu melihat dahulu pindaan itu sebelum membuat sebarang keputusan.

"Kita tak tahu apa yang kita nak sokong. Kita perlu teliti dahulu pindaan perlembagaan itu...pindaan itu harus dilihat daripada sudut cara, kaedah dan niatnya supaya ia selaras dengan perjuangan Umno," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pertemuan itu dibuat selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno dan ia turut dihadiri anggota Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat boleh berjumpa Dr Mahathir bila-bila masa untuk memaklumkan kepada beliau mengenai cadangan pindaan perlembagaan itu, katanya semasa ditanya adakah Umno menunggu jemputan Pas untuk berbincang cadangan pindaan perlembagaan itu.

Dr Mahathir yang ditemui selepas itu berkata pertemuan itu untuk memaklumkan kepada beliau perkembangan di Kelantan termasuk cadangan pindaan perlembagaan negeri itu dan pergolakan antara Pas dan Parti Melayu Semangat 46.

"Mereka memaklumkan kepada saya apa yang sedang berlaku di Kelantan itu sahaja," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

ARA AKD